

26/09/1999

Malaysia masih perlukan dasar pengawalan modal

Saidon Idris

DALAM pada pelbagai pihak menyokong serta memuji kawalan modal berpilih yang dilaksanakan Malaysia, sehingga ada yang mencadangkan supaya Jepun, iaitu kuasa ekonomi kedua terbesar dunia turut menggunakan pendekatan itu dalam menguruskan masalah mata wangnya, barisan parti pembangkang pula mahu menghapuskannya.

Ini menurut mereka bagi mengelakkan bencana ekonomi terus melanda negara buat kali kedua.

Bagaimanapun sebagaimana bangkangan negatif lain yang dikemukakan mereka sebelum ini, barisan pembangkang yang diketuai Pas itu tidak menyatakan apakah bentuk bencana yang bakal dihadapi.

Tetapi apa yang menarik dalam 'hentaman' pembangkang kali ini, tidak sebagaimana kebiasaannya, ialah mereka ada mengemukakan cadangan.

Dalam satu kenyataan bersama oleh pemimpin Pas, DAP, Keadilan dan PRM yang dilaporkan akhbar Harakah baru-baru ini, barisan parti pembangkang itu berkata, mereka akan menghapuskan kawalan modal berpilih itu dan digantikan dengan satu sistem lain jika diberi mandat memerintah negara.

Mereka berkata, sistem yang dicadangkan itu adalah satu sistem kawalan tetap berdasarkan pasaran, yang berhemah tinggi dan cermat tetapi fleksibel untuk menyederhanakan pengaliran masuk modal dan membendung aktiviti spekulasi oleh spekulator asing dan tempatan bagi mengelakkan krisis kewangan pada masa akan datang.

"Ini termasuk pengapungan mata wang ringgit yang boleh ditukar, tetapi tidak mengantarabangsakannya. Ini bermakna secara minimum tiada akaun ringgit di luar pesisir dan menghadkan akaun tukaran mata wang luar pesisir serta pinjaman asing," kata kenyataan pemimpin barisan pembangkang itu.

Sistem yang dicadangkan itu jika dilihat sepintas lalu, kelihatan 'bijak' tetapi menurut seorang Profesor Madya di jabatan kewangan sebuah universiti tempatan, cadangan itu sebenarnya membuktikan bahawa pencadangnya sebenarnya tidak memahami apa yang dicadangkan.

"Kedua-duanya bertentangan sama sekali, katanya merujuk kepada cadangan untuk mengapungkan ringgit tetapi tidak mengantarabangsakannya.

Beliau berkata, pada amnya apa yang dimaksudkan dalam cadangan itu ialah nilai ringgit ditetapkan oleh pasaran tetapi tidak diniaga di luar Malaysia.

"Ini tentunya tidak munasabah kerana bagaimana kita mahu mengapungkan ringgit tetapi tidak membenarkan mata wang itu diniagakan di luar negara," katanya.

Nilai sesuatu mata wang ditentukan oleh permintaan dan penawaran mata wang berkenaan. Jika permintaannya tinggi maka nilainya meningkat dan sebaliknya. Ini berkait rapat dengan dengan eksport dan kemasukan pelaburan asing. Jika eksport negara dan kemasukan pelabur asing sesebuah negara itu tinggi maka permintaan mata wangnya meningkat dan nilainya akan juga meningkat.

"Dengan mengapungkan ringgit tetapi tidak membenarkan ia diniagakan di luar negara bermakna nilai mata wang itu hanya ditentukan oleh pasaran domestik. Tetapi kita perlu ingat permintaan bagi sesuatu mata wang bukan datang daripada rakyat sesebuah negara itu tetapi dari luar negara.

"Saya bukan ahli politik, tetapi berasa pembangkang ini tidak rasional. Apa perlunya kita mencuba satu sistem baru yang belum teruji pada hal kita sudahpun ada sistem yang sudah terbukti berkesan," kata Profesor Madya

yang enggan namanya disiarkan.

Satu-satunya alasan yang dapat dikemukakan oleh golongan yang menentang dasar kawalan modal berpilih yang dilaksanakan Malaysia termasuk barisan pembangkang itu ialah dasar berkenaan menyebabkan kemerosotan kemasukan pelaburan langsung asing (FDI) ke negara ini.

Rumusan itu dilakukan dengan membandingkan kemasukan FDI ke Malaysia dengan Thailand dan Korea Selatan. Bagaimanapun pandangan terhadap FDI itu hanya dari segi jumlah saja tanpa mengambil kira bagaimana dan di mana pelaburan itu dibuat.

Apa yang berlaku di Thailand, Indonesia dan Korea Selatan ialah kebanyakan FDI yang masuk itu dilaburkan dalam sektor kewangan melalui pembelian syarikat kewangan dan bank yang terjejas akibat krisis ekonomi.

Jika Malaysia bertindak sama seperti negara berkenaan, jumlah FDI yang masuk ke negara ini tentunya juga tinggi. Tetapi di negara ini, kerajaan tetap dengan pendiriannya mahu mengekalkan sektor strategik ini kepada rakyat tempatan.

Bagi mengelakkan berlakunya keadaan seperti pepatah Melayu 'ayam menang kampung tergadai' kerajaan menubuhkan Pengurusan Danaharta Nasional Bhd, dan Danamodal Nasional Bhd bagi membantu sektor kewangan yang menghadapi masalah.

Dalam melihat isu kemasukan FDI ini, ia perlu juga dilihat dari sudut tahap kecergasan kegiatan ekonomi, tempatan dan juga sejagat.

Pelaburan biasanya akan dibuat ketika kegiatan ekonomi sedang rancak kerana ketika itu syarikat perlu menambahkan kapasiti.

Tetapi jika dilihat, sejak krisis kewangan melanda rantau Asia Timur, kesannya bukan saja dirasakan negara di rantau itu tetapi juga negara di luar rantau berkenaan.

Kesannya, keupayaan syarikat untuk membuat pelaburan baru terencat dan jika berupaya sekalipun ia ditangguhkan berikutan ketidakpastian.

Perkara ini turut ditegaskan Pengarah Eksekutif Dewan Perdagangan Amerika Malaysia (AMCHAM), Kathy King.

"Pengurangan dalam FDI bukan semata-mata disebabkan oleh kawalan tetapi juga oleh kelembapan dalam ekonomi akibat krisis kewangan," katanya ketika dihubungi baru-baru ini.

"Kelembapan itu menyebabkan banyak syarikat menangguhkan dahulu pelaksanaan projek baru atau pengembangan mereka," jelasnya.

Beliau berkata, pada keseluruhannya pelabur Amerika Syarikat di negara ini tidak menghadapi banyak masalah dengan dasar kawalan modal.

"Malah berdasarkan tinjauan yang dibuat terhadap ahli kami, rata-rata mereka menyokong penetapan nilai ringgit kerana menurut mereka ia membawa kestabilan kepada persekitaran perniagaan," katanya.

Sepanjang tahun lalu, syarikat elektronik Amerika Syarikat di negara ini melabur sejumlah RM3 bilion.

Sebenarnya, kepada yang memahami pelaksanaan kawalan modal berpilih, ia tidak langsung memberikan kesan kepada FDI.

Ini kerana dasar itu hanya bertujuan mengawal pengaliran keluar ringgit dan bukannya pertukaran asing.

Ringgit masih boleh ditukar tetapi ia mesti dilakukan di negara ini. Melalui cara itu peluang spekulator mata wang daripada menjadikan ringgit sebagai bahan spekulasi mereka terhapus.

Pelabur asing yang membuat pelaburan langsung di negara ini bebas membawa keuntungan yang diperoleh kerana mengikut dasar itu, kawalan hanya dikenakan terhadap pengaliran keluar masuk dana asing yang dilaburkan di pasaran saham.

Ini bagi mengelakkan pengaliran keluar masuk yang tidak terkawal pelaburan sedemikian menjejaskan ketidakstabilan sistem kewangan tempatan.

Bagaimanapun berikutan kembalinya kestabilan dalam sistem kewangan

negara sejak kebelakangan ini, kerajaan secara berperingkat melonggarkan kawalan itu.

Langkah terbaru ialah menetapkan cukai keluar sama rata 10 peratus saja terhadap keuntungan yang diperoleh pelabur asing yang dibawa keluar dari negara ini berbanding sistem berperingkat yang diamalkan sebelum ini.

Ini selaras dengan hasrat kerajaan sebagaimana ditegaskan berkali-kali oleh Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad bahawa dasar kawalan modal itu bukanlah satu dasar untuk selama-lamanya.

Sebaliknya kerajaan akan menariknya semula jika sudah terdapat ketentuan dan kestabilan dalam sistem kewangan dunia.

Bagaimanapun mengikut perkembangan semasa, dasar itu mungkin perlu diteruskan buat beberapa lama lagi kerana masih terdapat unsur ketidaktentuan. Ini dapat dilihat beberapa minggu yang lalu apabila nilai mata wang baht Thailand serta mata wang negara lain di rantau ini mengalami kemerosotan teruk akibat jualan secara besar-besaran oleh peniaga mata wang.

Bagaimanapun oleh kerana ringgit tidak diniagakan di luar Malaysia berikutan dasar kawalan modal, Malaysia terlindung daripada masalah itu dan kemungkinan berlakunya sekali lagi serangan terhadap mata wang negara di rantau ini.

Perkara ini turut ditegaskan oleh Pakar Strategi Ekonomi, di SG Securities Singapura, Nilesh Jasani baru-baru ini.

Katanya, oleh kerana ringgit tidak lagi boleh diniaga di luar Malaysia, spekulator tidak boleh meminjam ringgit. Jika tidak boleh meminjam ringgit, maka mereka tidak dapat melakukan jualan singkat terhadap ringgit. Oleh itu melalui kawalan modal, Malaysia mempunyai kelebihan dari segi pertahanan terhadap serangan spekulator.

Keperluan dasar kawalan modal berpilih itu ketika ini turut ditekankan oleh pakar ekonomi tempatan, Ketua Eksekutif Metrowangsa Asset Management Sdn Bhd Dr Ghazali Atan.

"Kita masih perlukan kawalan modal bagi melindungi negara kita," katanya ketika dihubungi baru-baru ini.

Beliau berkata, dasar itu terutama tambatan ringgit dan kawalan terhadap kemasukan modal pelaburan asing di dalam pasaran saham masih diperlukan kerana ketidaktentuan dalam pasaran kewangan dunia.

"Apabila persekitaran kembali stabil barulah kerajaan boleh memikirkan untuk kembali kepada persekitaran terbuka yang mana nilai ringgit ditentukan oleh pasaran.

"Walau sesiapa juga menerajui kerajaan, perkara ini perlu dipertimbang dan dikaji tetapi saya rasa sekarang bukan masanya untuk menarik balik kawalan itu," katanya.

Berdasarkan kepada keperluan dasar kawalan modal berpilih bagi melindungi negara ini daripada serangan spekulator mata wang, hasrat barisan pembangkang itu mahu menghapuskannya samalah seperti mahu meruntuhkan benteng pertahanan seterusnya mendedahkan negara ini kepada ancaman kemusnahan ekonomi dan bukan kemakmuran sebagaimana yang mereka dakwa.

(END)